

Prakata

Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T yang sentiasa melimpahkan taufik dan hidayah-Nya sehingga kita dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai hamba-Nya di muka bumi ini. Selawat dan salam dipanjangkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga, para sahabat, tabi'in serta generasi seterusnya yang mengikuti jejak langkah baginda S.A.W sehingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah dengan inayah dan izin-Nya jua, maka Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Penamaan (Bin/ Binti) Anak Tak Sah Taraf, Anak Angkat Dan Saudara Kita.

Sekalung penghargaan dan tahniah juga saya ucapkan kepada Ahli Lembaga Fatwa Negeri Sarawak di atas curahan ilmu dan kepakaran dalam penghasilan garis panduan yang mantap dan selaras dengan keperluan semasa umat Islam. Justeru, sumbangan dan bakti ilmu ini telah merungkai pelbagai persoalan dan permasalahan yang berlaku di dalam masyarakat yang memerlukan panduan untuk memperolehi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Saya mengharapkan semoga garis panduan ini dapat membantu dan memudahkan para pegawai yang menjalankan tugas untuk memberi maklumat serta penjelasan berkaitan dengan penamaan bin/ binti anak tak sah taraf kepada masyarakat Islam di Sarawak.

Akhir kata, saya menaruh penuh keyakinan dan berharap agar garis panduan ini dapat memberi manfaat dan dijadikan sebagai rujukan oleh masyarakat Islam khususnya di negeri Sarawak dan Malaysia amnya.

Semoga usaha ini mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T.

Wallahu Ta'ala A'lam

Sahibus Samahah
(Datu Haji Kipli Bin Haji Yassin)
Mufti Negeri Sarawak

KEPUTUSAN FATWA YANG BERKAITAN ANAK TAK SAH TARAF

1. Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-8 pada 6 September 2005/1 Syaban 1426H dan memutuskan “**Anak Tak Sah Taraf**” seperti berikut:
 - a. Anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah di 'bin'kan atau di 'binti'kan kepada 'Abdullah'.
 - b. “Anak Tak Sah Taraf ” ialah:
 - i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan;
 - ii. Anak yang dilahirkan kurang dari 06 bulan 02 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh akad nikah.
 - c. “Anak Tak Sah Taraf” tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.

KEDUDUKAN ANAK TAK SAH TARAF DALAM ISLAM

1. PENAMAAN

- I. Jika seseorang perempuan Islam bersekedudukan tanpa menikah, sama ada dengan lelaki Islam atau lelaki bukan Islam dan melahirkan anak, maka anak itu hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kan kepada Abdullah atau lain-lain nama "*al-Asma al-Husna*" dengan berpangkalkan Abdul.
- II. Seseorang anak tak sah taraf atau anak luar nikah tidak wajar di 'bin' atau di 'binti'kan kepada ibu anak tersebut kerana ini mungkin boleh menimbulkan masalah sosial dan kesan psikologi kepada kanak-kanak itu. Oleh yang demikian anak tersebut di 'bin' atau di 'binti'kan kepada Abdullah atau lain-lain nama "*al-Asma al-Husna*" dengan berpangkalkan Abdul.
- III. Seseorang anak yang dijumpai terbiar atau anak pungut yang tidak diketahui asal usulnya hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kan kepada Abdullah dan jika nama Abdullah bersamaan dengan orang yang memelihara anak itu, maka bolehlah dipilih daripada nama "*al-Asma al-Husna*" yang lain dengan berpangkalkan Abdul seperti Abdul Rahman dan Abdul Rahim.

KEDUDUKAN DARI SEGI HUKUM SYARAK

Kedudukan seseorang anak tak sah taraf daripada segi hukum syarak adalah seperti berikut:

1. Nasab (keturunan)

Daripada sudut hubungan nasab keturunan "**anak tak sah taraf**" tidak harus di 'bin' atau di 'binti' kan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Dia hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kan kepada Abdullah atau lain-lain nama "*al-Asma al-Husna*" dengan berpangkalkan Abdul.

2. Pergaulan

Dari sudut Islam “**anak tak sah taraf**” tidak boleh dihalang daripada menjalin apa-apa hubungan atau melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalinan atau dijalankan oleh kanak-kanak Islam lain yang setarafnya.

Pergaulan “**anak tak sah taraf**” dengan lelaki yang melakukan persetubuhan tanpa akad nikah dengan ibunya, walaupun lelaki itu adalah bapa sebenar, hendaklah berasaskan pergaulan antara anak tiri dan bapa tirinya.

3. Nafkah

Segala nafkah dan sara hidup “**anak tak sah taraf**” adalah menjadi tanggungjawab ke atas ibunya. Ini adalah kerana “**anak tak sah taraf**” dinasabkan dan dipertanggungjawabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya.

4. Pusaka

“**Anak tak sah taraf**” tidak terputus hubungan keturunan dengan ibunya. Oleh itu kedua-duanya boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain. Jika ibu meninggal dunia, maka dia berhak mewarisi pusaka ibunya bersama-sama ahli waris yang lain. Begitu juga sekiranya “**anak tak sah taraf**” itu meninggal dunia terlebih dahulu, ibunya berhak mewarisi pusaknya. Seseorang “**anak tak sah taraf**” adalah terputus hubungan dari segi pusaka dengan lelaki yang menyetubuhi ibunya itu dan tidak menjadi ahli waris dan tidak berhak mewarisi harta pusaka di antara keduanya.

5. Perwalian

Hak perwalian diri “**anak tak sah taraf**” sebenarnya terletak kepada ibunya. Walau bagaimanapun, perwalian perkahwinan seorang “**anak tak sah taraf**” dipegang oleh wali hakim. Ini adalah kerana seseorang perempuan itu tidak sah menjadi wali di dalam perkahwinan.

Lelaki yang menyetubuhi ibunya tanpa akad nikah sah, samada dia berkahwin atau tidak dengan ibunya selepas itu tidak sah menjadi walinya.

6. Perkahwinan

Seseorang “**anak tak sah taraf**” perempuan boleh berkahwin dengan seseorang lelaki dengan sah.

7. Penjagaan

Penjagaan “**anak tak sah taraf**” adalah dipertanggungjawabkan semata-mata pada ibu dan saudara-mara sebelah ibu.

8. Kematian

Kematian seorang “**anak tak sah taraf**” yang belum baligh adalah menurut hukum ibunya. Jika ibunya beragama Islam maka dia dihukum sebagai seorang Islam. Dengan demikian mayatnya hendaklah diurus secara pengurusan jenazah Islam.

Jika ibunya bukan seorang beragama Islam, maka dia dihukum sebagai bukan seorang beragama Islam sekalipun lelaki yang menyetubuhi ibunya itu seorang Islam.

9. Amal Kebajikan

Jika semasa hayatnya “**anak tak sah taraf**” telah melakukan amal kebajikan samada untuk diri sendiri atau masyarakat, maka segala manfaatnya dari segi pahala dan lain-lain akan kembali kepada dirinya juga.

Jika seseorang anak yang dipungut tidak dapat ditentukan keturunan iaitu samada Islam atau bukan Islam maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan membesarkannya menerusi rumah kebajikan dan mendidiknya menurut agama Islam.

HAK SAMARATA

Seseorang “**anak tak sah taraf**” adalah insan biasa. Dia hendaklah diberi perlindungan dan juga nafkah sama seperti anak-anak lain dari sudut agama dan undang-undang. Dia juga berhak mendapat perlindungan sepenuhnya daripada ibunya, keluarga ibunya dan juga Kerajaan.

GARIS PANDUAN PENAMAAN (BIN/ BINTI) ANAK TAK SAH TARAF, ANAK ANGKAT DAN SAUDARA KITA

1. Tafsiran

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“tak sah taraf” berhubungan dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan *syubhah*.

“persetubuhan syubhah” ertinya persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (*fasid*) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuklah mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum *Had* dalam Islam.

“nasab” ertinya keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah.

“kanak-kanak” ertinya seseorang yang belum berkahwin di bawah umur lapan belas tahun.

“anak pungut” ertinya kanak-kanak yang dijumpai terbiar (terlantar) di jalan, yang tidak diketahui bapa dan ibunya. ertinya anak orang lain yang dipelihara dari kecil.

“maula” ertinya pemilik budak. ertinya seorang hamba sahaya yang sudah dimerdekakan atau seseorang yang telah dijadikan anak angkat.

“saudara baru (muallaf)/ saudara kita” ertinya seseorang yang baru memeluk Islam.

2. Penamaan Anak Tak Sah Taraf

- 2.1 Anak tak sah taraf yang lahir hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada Abdullah yang bermaksud 'hamba Allah'.
- 2.2 Jika lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada nama "*al-Asma al-Husna*" yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul dipangkal seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim. **(Rujuk lampiran A)**
- 2.3 Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

Bil	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1	Ahmad Bin <i>Abdullah</i>	Azizah Binti <i>Abdullah</i>
2	Ahmad Bin <i>Abdul Rahman</i> (Menggunakan nama-nama " <i>al-Asma al-Husna</i> " dengan berpangalkan <i>Abdul.</i>)	Azizah Binti <i>Abdul Rahman</i> (Menggunakan nama-nama " <i>al-Asma al-Husna</i> " dengan berpangalkan <i>Abdul.</i>)

3. Penamaan Anak Angkat

3.1 Pengangkatan Anak Sah Taraf Islam

- 3.1.1 Anak sah taraf yang diangkat oleh mana-mana orang hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada bapa kandungnya sendiri.
- 3.1.2 Tiada mana-mana nama bapa angkat atau penjaga yang dibenarkan untuk dikait atau disertakan di dalam mem 'bin' atau mem 'binti' anak yang sah taraf.

3.1.3 Berikut adalah cara penamaan bagi pengangkatan anak sah taraf seperti contoh di bawah:

Perkara		Nama Lelaki	Nama Perempuan
Nama kanak-kanak	:	Faiz	Tasnim
Nama bapa kandung	:	Arif	Arif
Nama bapa angkat	:	Amir	Amir

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

Bil	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1	Faiz Bin Arif	Tasnim Binti Arif

3.2 Pengangkatan Anak Bukan Islam

3.2.1 Anak bukan Islam yang diangkat oleh mana-mana orang Islam hendaklah di 'bin' dan di 'binti' kepada bapa kandungnya sendiri.

3.2.2 Berikut adalah cara penamaan bagi pengangkatan anak bukan Islam seperti contoh di bawah:

Perkara	Nama
Nama kanak-kanak	Tan San Tai
Nama bapa kandung	Tan Lee Sin
Nama keluarga/ keturunan	Tan
Nama Islam (kanak-kanak)	Ahmad

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
Tan San Tai	Ahmad Tan San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Lee Sin
Ravi a/l Maniam	Ravi Bin Maniam
	Ahmad Ravi Bin Maniam

3.2.3 Walau bagaimanapun, jika nama asal orang tersebut bermaksud nama-nama tuhan atau dewa agama asalnya atau nama yang bermaksud tidak baik, hendaklah menukar namanya kepada nama yang bermaksud baik dalam Islam.

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
* Siva a/l Maniam	Ahmad Bin Maniam

***Rujuk lampiran B** (Senarai Nama-Nama Hindu Berunsur Ketuhanan).

3.3 Pengangkatan Anak Tak Sah Taraf

3.3.1 Anak tak sah taraf yang diangkat oleh mana-mana orang hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada Abdullah yang bermaksud 'hamba Allah'.

3.3.2 Jika lelaki yang mengangkat anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada nama "*al-Asma al-Husna*" yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul di pangkal seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim. **(Rujuk lampiran A)**

3.3.3 Berikut adalah cara penamaan bagi pengangkatan anak tak sah taraf seperti contoh di bawah:

Perkara		Nama Lelaki	Nama Perempuan
Nama kanak-kanak	:	Ahmad	Azizah
Nama bapa angkat	:	Ali	Ali

Penamaan yang **DIBENARKAN** adalah seperti berikut:

BIL	CONTOH PENAMAAN	
	Lelaki	Perempuan
1	Ahmad Bin Abdullah	Azizah Binti Abdullah

3.4 Anak Pungut

3.4.1 Anak pungut yang dijumpai dan tidak diketahui ibu atau bapanya adalah sama sebagaimana cara penamaan anak tak sah taraf, hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kan kepada Abdullah yang bermaksud 'hamba Allah'.

3.4.2 Jika lelaki yang menjumpai dan mengangkat anak tersebut bernama Abdullah, anak tersebut hendaklah di 'bin' atau di 'binti' kepada nama "*al-Asma al-Husna*" yang lain dengan menyertakan perkataan Abdul di pangkal seperti Abdul Rahman atau Abdul Rahim.

3.4.3 Contoh **penamaan anak pungut** adalah sama seperti cara penamaan anak tak sah taraf di **perkara 3.3.3 di atas**.

4. Penggunaan “*Maula*”

Penggunaan “*maula*” bagi menganti ‘bin’ atau ‘binti’ dalam penamaan anak angkat adalah tidak dibenarkan penggunaannya bagi mengelakkan kekeliruan dan menjaga kemaslahatan ummah.

5. Penamaan Saudara Kita

5.1 Mana-mana orang yang memeluk Islam bolehlah sama ada mengekal atau menukar nama atau menggunakan kedua-dua nama asal dan nama baru dan hendaklah di ‘bin’ atau di ‘binti’ kepada bapa kandungnya atau kepada ‘Abdullah’ atau “*al-Asma al-Husna*” dengan berpangkakan Abdul sekiranya beliau ingin berbuat demikian.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
Judi Anak Man	Ahmad Bin Man
Joyah Anak Man	Mariam Binti Man
Tan San Tai	Ahmad Tan San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad San Tai Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Tan Lee Sin
	Ahmad Bin Lee Sin
Ravi a/l Maniam	Ravi Bin Maniam
	Ahmad Ravi Bin Maniam

5.2 Walau bagaimanapun, jika nama asal orang tersebut atau nama bapanya bermaksud nama-nama tuhan atau dewa agama asalnya atau nama yang bermaksud tidak baik, bolehlah menukar namanya kepada nama yang bermaksud baik dalam Islam.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
* Rajesh a/l Maniam	Ahmad Bin Maniam

* **Rujuk lampiran B** (Senarai Nama-Nama Hindu Berunsur Ketuhanan)

5.3 Seseorang saudara kita boleh membuat pilihan sekiranya dia ingin mengekalkan nama keluarga/ keturunan di samping nama baru.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Asal	Nama Islam
Tan San Tai	Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin

5.4 Nama keluarga/ keturunan boleh digunakan oleh saudara kita dan generasi yang seterusnya iaitu anak kepada saudara kita yang baru.

CONTOH PENAMAAN	
Nama Saudara Kita	Nama Anak Saudara Kita
Ahmad Tan Bin Tan Lee Sin	Muhammad Tan Bin Ahmad Tan

6. Penutup

Adalah diharapkan garis panduan ini dapat menjadi rujukan kepada seluruh umat Islam dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan penamaan anak tak sah taraf, anak angkat dan saudara kita berdasarkan hukum Islam.

LAMPIRAN A

NAMA AL-ASMA AL-HUSNA			
<i>Abdul Rahman</i>	<i>Abdul Halim</i>	<i>Abdul Khabir</i>	<i>Abdul Hadi</i>
<i>Abdul Rahim</i>	<i>Abdul 'Azim</i>	<i>Abdul Qayyum</i>	<i>Abdul Badi'</i>
<i>Abdul Malik</i>	<i>Abdul Ghafur</i>	<i>Abdul Wajid</i>	<i>Abdul Baqi</i>
<i>Abdul Quddus</i>	<i>Abdul Syakur</i>	<i>Abdul Majid</i>	<i>Abdul Warith</i>
<i>Abdul Salam</i>	<i>Abdul 'Aliy</i>	<i>Abdul Wahid</i>	<i>Abdul Rasyid</i>
<i>Abdul Mu'min</i>	<i>Abdul Kabir</i>	<i>Abdul Samad</i>	<i>Abdul Sabur</i>
<i>Abdul Muhaimin</i>	<i>Abdul Hafiz</i>	<i>Abdul Qadir</i>	<i>Abdul Malik</i>
<i>Abdul Aziz</i>	<i>Abdul Muqit</i>	<i>Abdul Muqtadir</i>	<i>Abdul Jalal Wal Ikram</i>
<i>Abdul Jabbar</i>	<i>Abdul Hasib</i>	<i>Abdul Muqaddim</i>	
<i>Abdul Mutakabbir</i>	<i>Abdul Jalil</i>	<i>Abdul Mu'akhkhir</i>	
<i>Abdul Khaliq</i>	<i>Abdul Karim</i>	<i>Abdul Awwal</i>	
<i>Abdul Bari'</i>	<i>Abdul Raqib</i>	<i>Abdul Akhir</i>	
<i>Abdul Musawwir</i>	<i>Abdul Mujib</i>	<i>Abdul Zahir</i>	
<i>Abdul Ghaffar</i>	<i>Abdul Wasi'</i>	<i>Abdul Batin</i>	
<i>Abdul Qahhar</i>	<i>Abdul Hakim</i>	<i>Abdul Wali</i>	
<i>Abdul Wahhab</i>	<i>Abdul Wadud</i>	<i>Abdul Muta'ali</i>	
<i>Abdul Razzaq</i>	<i>Abdul Majid</i>	<i>Abdul Barri</i>	
<i>Abdul Fattah</i>	<i>Abdul Ba'ith</i>	<i>Abdul Tawwab</i>	
<i>Abdul 'Alim</i>	<i>Abdul Syahid</i>	<i>Abdul Muntaqim</i>	
<i>Abdul Qabidh</i>	<i>Abdul Haqq</i>	<i>Abdul Hayy</i>	
<i>Abdul Basit</i>	<i>Abdul Wakil</i>	<i>Abdul 'Afuw</i>	
<i>Abdul Khafidh</i>	<i>Abdul Qawiy</i>	<i>Abdul Ra'uf</i>	
<i>Abdul Rafi'</i>	<i>Abdul Matin</i>	<i>Abdul Muqsit</i>	
<i>Abdul Mu'izz</i>	<i>Abdul Waliy</i>	<i>Abdul Jami'</i>	
<i>Abdul Mudzill</i>	<i>Abdul Hamid</i>	<i>Abdul Ghani</i>	
<i>Abdul Sami'</i>	<i>Abdul Muhsi</i>	<i>Abdul Mughni</i>	
<i>Abdul Basir</i>	<i>Abdul Mubdi</i>	<i>Abdul Mani'</i>	
<i>Abdul Hakam</i>	<i>Abdul Mu'id</i>	<i>Abdul Darr</i>	
<i>Abdul 'Adil</i>	<i>Abdul Muhyi</i>	<i>Abdul Nafi'</i>	
<i>Abdul Latif</i>	<i>Abdul Mumit</i>	<i>Abdul Nur</i>	

LAMPIRAN B

SENARAI NAMA-NAMA HINDU BERUNSUR KETUHANAN				
A	<i>Bathnawathy</i>	<i>Gayithery</i>	<i>Jegan</i>	<i>Kumaran</i>
<i>Aiyappan</i>	<i>Bathmanaben</i>	<i>Govinthammal</i>	<i>Jeganathan</i>	<i>Kathigesu</i>
<i>Anjalai</i>	<i>Bathma</i>	<i>Giri</i>	<i>Jothy</i>	<i>Kaundar</i>
<i>Angalammal</i>	<i>Batu Malay</i>	<i>Guna</i>	<i>Jotheeswaran</i>	<i>Kumaresan</i>
<i>Arjunan</i>	<i>Bramanan</i>	<i>Gunalan</i>	<i>Jothinathan</i>	<i>Kumaresu</i>
<i>Arunugeri</i>	<i>Balasubramaniam</i>	<i>Gobalan</i>	<i>Jayasanker</i>	<i>Kathavarayan</i>
<i>Ambiga</i>	<i>Balasubramaniam</i>	<i>Ganappan</i>	<i>Jayalalitha</i>	<i>Karnamoorthi</i>
<i>Abirami</i>	<i>Balasena</i>	H	<i>Jageneswaran</i>	<i>Kesaven</i>
<i>Aswini</i>	<i>Barathi</i>	<i>Hareram</i>	<i>Jageneswary</i>	<i>Kugan</i>
<i>Annapurani</i>	<i>Balasaraswathi</i>	<i>Hayoth</i>	K	<i>Kokilavani</i>
<i>Akilandeswary</i>	C	<i>Hisvaran</i>	<i>Karnan</i>	<i>Kalaivani</i>
<i>Annaletchumy</i>	<i>Chinnasamy</i>	<i>Hisvaran</i>	<i>Kamaladevi</i>	<i>Kalaisevi</i>
<i>Anjineyen</i>	D	<i>Hiswara</i>	<i>Kanesgeswaran</i>	<i>Kirishnan</i>
<i>Athisangar</i>	<i>Duraisamy</i>	<i>Hiraivan</i>	<i>Kanegeswary</i>	<i>Kirishnaveny</i>
<i>Athimoolam</i>	<i>Durugai</i>	<i>Hindumathi</i>	<i>Kamachi</i>	<i>Kuppan</i>
<i>Arumugam</i>	<i>Durga</i>	<i>Hayaletchumy</i>	<i>Kavery</i>	<i>Kuppamma</i>
<i>Athiparasakthi</i>	<i>Durugamma</i>	<i>Hindumathy</i>	<i>Kannan</i>	L
<i>Andavan</i>	<i>Dandayuthapany</i>	<i>Hariharan</i>	<i>Kannaiya</i>	<i>Letchumy</i>
<i>Andavar</i>	<i>Devan</i>	<i>Harikrishnan</i>	<i>Kannamma</i>	<i>Letchumanan</i>
<i>Anjalai</i>	<i>Devadas</i>	I	<i>Kali</i>	<i>Logeswary</i>
<i>Anjalai Devi</i>	E	<i>Isvaran</i>	<i>Kalidas</i>	<i>Lalithambigai</i>
<i>Athilecthumy</i>	<i>Easwary</i>	<i>Iswara</i>	<i>Kaliamma</i>	M
<i>Athisakthi</i>	<i>Easwaran</i>	<i>Iswari</i>	<i>Kaliappa</i>	<i>Mangamma</i>
<i>Athivinayagam</i>	<i>Easwara</i>	<i>Iravan</i>	<i>Karuppia</i>	<i>Malalecthumy</i>
<i>Athivinayagan</i>	<i>Ekalaivan</i>	J	<i>Karupanan</i>	<i>Mangaleswary</i>
<i>Ambuttan</i>	G	<i>Jayaganapathy</i>	<i>Karumary</i>	<i>Mahalingam</i>
B	<i>Gaury</i>	<i>Jayaranan</i>	<i>Karumariamman</i>	<i>Mahakali</i>
<i>Balathandayutham</i>	<i>Ganegeswaran</i>	<i>Jayakanna</i>	<i>Karumariamman</i>	<i>Mahakaliamna</i>
<i>Balathandayuthen</i>	<i>Ganegeswary</i>	<i>Jayasiva</i>	<i>Karumayee</i>	<i>Mahakalidas</i>
<i>Balakannan</i>	<i>Ganapathy</i>	<i>Jayavishu</i>	<i>Kanthan</i>	<i>Mayakrishnan</i>
<i>Bangamma</i>	<i>Gangatharan</i>	<i>Jayamurali</i>	<i>Karthan</i>	<i>Mahakrishnan</i>
<i>Bommi</i>	<i>Gangaiya</i>	<i>Jaihind</i>	<i>Karthigesan</i>	<i>Mathuraiveeran</i>
<i>Bommiammal</i>	<i>Gangamma</i>	<i>Jayahindu</i>	<i>Kalyani</i>	<i>Mageswaran</i>
<i>Balan</i>	<i>Ganesan</i>	<i>Janagi</i>	<i>Kalyanam</i>	<i>Mageswaray</i>
<i>Balachanthiran</i>	<i>Ganga</i>	<i>Jackammal</i>	<i>Karthik</i>	<i>Mangaleswary</i>

<i>Bramanan</i>	<i>Galalecthumy</i>	<i>Jackamma</i>	<i>Karthiga</i>	<i>Magenthiran</i>
<i>Magesh</i>	P	<i>Rajarajeswary</i>	<i>Sivaneswary</i>	<i>Tharuman</i>
<i>Malayandy</i>	<i>Palani</i>	<i>Radha</i>	<i>Sivaneswaran</i>	<i>Thurumoorthi</i>
<i>Mayandi</i>	<i>Parthiban</i>	<i>Ragini</i>	<i>Sivalingam</i>	U
<i>Mogini</i>	<i>Palaniandy</i>	<i>Radhakrishnan</i>	<i>Sivamuni</i>	<i>Usha</i>
<i>Moorthy</i>	<i>Poobathy</i>	<i>Rohini</i>	<i>Sivamuniandy</i>	<i>Ulaganathen</i>
<i>Meganathan</i>	<i>Palanisamy</i>	<i>Rajesh</i>	<i>Sivasakthi</i>	<i>Umadevi</i>
<i>Meenachi</i>	<i>Parathi</i>	<i>Ramesh</i>	<i>Saklian</i>	<i>Umaiyal</i>
<i>Muthukarupan</i>	<i>Palaniappa</i>	<i>Rasapan</i>	<i>Sathirian</i>	<i>Ummageswaran</i>
<i>Muniandy</i>	<i>Palaniamma</i>	<i>Ramayee</i>	<i>Seetha</i>	<i>Umamageswary</i>
<i>Muniamma</i>	<i>Paramasivam</i>	<i>Rajaietchumy</i>	<i>Sokriban</i>	<i>Umavathy</i>
<i>Muniappa</i>	<i>Parameswary</i>	<i>Rajavinayagan</i>	<i>Sokkalingam</i>	V
<i>Munusamy</i>	<i>Pazhani</i>	<i>Rajavinayagam</i>	<i>Suresh</i>	<i>Varalecthumy</i>
<i>Munisamy</i>	<i>Pazhanisamy</i>	<i>Rajavinayagar</i>	<i>Subashm</i>	<i>Vikneswary</i>
<i>Muniswary</i>	<i>Palanivelu</i>	S	<i>Sooli</i>	<i>Vengadasamy</i>
<i>Muniswaran</i>	<i>Palagi</i>	<i>Sakthiselvi</i>	<i>Sivaprakasam</i>	<i>Vengdalecthumy</i>
<i>Munis</i>	<i>Pangaramma</i>	<i>Samy</i>	<i>Sekar</i>	<i>Vendagalecthumy</i>
<i>Munian</i>	<i>Pangarappa</i>	<i>Sharmila</i>	<i>Subalecthumy</i>	<i>Vishnu</i>
<i>Muthusamy</i>	<i>Parayan</i>	<i>Sangari</i>	<i>Sreevani</i>	<i>Vali</i>
<i>Mugunthan</i>	<i>Parvathi</i>	<i>Sunthary</i>	<i>Sagunthalai</i>	<i>Valli</i>
<i>Murugan</i>	<i>Puwaneswary</i>	<i>Saunthary</i>	<i>Sanmugam</i>	<i>Velayuthan</i>
<i>Mukali</i>	<i>Puwaneswaran</i>	<i>Sarawanayapan</i>	T	<i>Velusamy</i>
<i>Manarsamy</i>	<i>Pichai</i>	<i>Singaravelu</i>	<i>Thanalecthumi</i>	<i>Visalachi</i>
<i>Mariammal</i>	<i>Periyakrishnan</i>	<i>Sadayan</i>	<i>Turuga</i>	<i>Vasuki</i>
<i>Mangammal</i>	<i>Parimalam</i>	<i>Subraman</i>	<i>Thiagarajan</i>	<i>Veerammal</i>
	<i>Pachaiyamma</i>	<i>Sengani</i>	<i>Thiyegeswary</i>	<i>Veeramma</i>
N	<i>Paranjothy</i>	<i>Sembagam</i>	<i>Thandayutham</i>	<i>Vikneswaran</i>
<i>Nanthan</i>	R	<i>Sakthivelo</i>	<i>Thangakaliswaran</i>	<i>Visalachi</i>
<i>Nathan</i>	<i>Rama</i>	<i>Samiamma</i>	<i>Thamaraiselvi</i>	<i>Vearaiya</i>
<i>Nyanapalam</i>	<i>Raman</i>	<i>Saminathan</i>	<i>Thandayuthapani</i>	W
<i>Narayanan</i>	<i>Ramajaran</i>	<i>Samyvelu</i>	<i>Thulasi</i>	<i>Waisirian</i>
<i>Narayanasamy</i>	<i>Rajeswary</i>	<i>Samiappa</i>	<i>Thevi</i>	Y
<i>Narayn</i>	<i>Ramasamy</i>	<i>Sarawathy</i>	<i>Theivanai</i>	<i>Yogeswary</i>
<i>Narathan</i>	<i>Ramasuamy</i>	<i>Saravanan</i>	<i>Thiviya</i>	<i>Yogi</i>
<i>Nyanavinayagan</i>	<i>Rajalingam</i>	<i>Samiyar</i>	<i>Thamothiran</i>	
<i>Nagammal</i>	<i>Rengaiya</i>	<i>Sangaran</i>	<i>Theviseri</i>	
<i>Nagamma</i>	<i>Rengamma</i>	<i>Sety Setyaf</i>	<i>Thilaga</i>	
<i>Nanthini</i>	<i>Rety</i>	<i>Siva</i>	<i>Thevarajan</i>	

<i>Nithia</i>	<i>Retuyar</i>	<i>Sivam</i>	<i>Thevan</i>	
<i>Nirathary</i>	<i>Rubin</i>	<i>Sivan</i>	<i>Thanasekaran</i>	

DISEDIAKAN OLEH:

**Jabatan Mufti Negeri Sarawak
Aras 15, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah
Lorong P.Ramlee 5, Off Jalan P.Ramlee
93400 Kuching, Sarawak**

**Tel: 082-507500
Faks: 082-507200**